

15/03/2000

Tempoh khidmat Perdana Menteri tidak dihadkan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak bercadang menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri kepada dua penggal saja, kata Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar.

Beliau berkata, cadangan itu terkandung dalam manifesto Pas pada pilihan raya lalu kononnya untuk mengelakkan penyelewengan kuasa.

Sambil menyifatkannya kurang cerdik, beliau berkata pembangkang tidak sedar cadangan itu merugikan kerana negara dan rakyat memerlukan pemimpin yang berwawasan jauh, teruji di dalam negara dan peringkat antarabangsa serta berjaya membangun dan memajukan negara.

"Ciri-ciri ini semua terbukti terdapat dalam diri Perdana Menteri kita pada hari ini. Jadi kalau kita terima cadangan manifesto itu, sudah tentu ia satu kerugian," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mat Basir Rahmat (Pas-Parit) dan soalan tambahan Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut).

Noh berkata, sekiranya Pas mahu melaksanakan cadangan itu, ia hendaklah terlebih dahulu dilaksanakan di Kelantan kerana jawatan Menteri Besar negeri itu sudah lebih dua penggal dipegang Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat.

"Bila sampai giliran dia (Nik Aziz), dia kata tidak boleh kerana penggal yang sebelum ini tidak mahu diambil kira," katanya.

Beliau berkata, pembangkang sering membuat janji tetapi tidak dapat melaksanakannya, malah menyalahkan Kerajaan Pusat yang didakwa menghalang pelaksanaan hukum Hudud.

Noh juga menyangkal dakwaan Mat Basir bahawa rakyat sudah menolak kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan kemerosotan undi yang diperolehi BN pada pilihan raya umum lalu, di samping nasihat MT supaya jawatan Presiden tidak dipertandingkan.

(END)